sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : AHAD
TARIKH : 6/10/2019
M/SURAT : 12

Kaedah terbaik untuk salur bantuan kepada yang layak

NADZIM

SHAH ALAM - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menyifatkan sistem pelaksanaan program subsidi petrol bersasar yang memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah (B40) satu kaedah yang baik untuk menyalurkan bantuan kepada mereka yang layak.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata, ini kerana melalui sistem baharu itu mereka yang berpendapatan tinggi atau golongan berkemampuan tidak lagi layak menikmati subsidi tersebut.

Namun, beliau turut berharap kaedah yang akan diperkenalkan nanti adalah adil dan tidak menindas mana-mana pihak.

"Sudah lama sebenarnya mereka yang berkemampuan iaitu memiliki pelbagai kenderaan menikmati harga minyak subsidi sedangkan golongan miskin hanya menikmati manfaat yang sedikit kerana mereka hanya mempunyai motosikal.

"Jadi, saya berpandangan sistem pelaksanaan baharu ini sangat baik untuk membolehkan golongan miskin memperoleh bantuan yang sewajarnya," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Sementara itu, Nadzim berkata, jika ada golongan miskin (penerima Bantuan Sara Hidup) yang tidak tersenarai sebagai penerima subsidi, kerajaan perlu ada kaedah alternatif untuk mereka membuat rayuan.

"Inilah yang dikatakan bahawa pelaksanaan yang dibuat perlu kepada kajian secara menyeluruh dan mendalam," katanya.

6